

Bertindak dengan satu suara kata PM

BH 4 SEP 1979

HARARE, Rabu — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengajak negara-negara anggota Pergerakan Berkecuali menilai semula diri mereka dengan bertanya berapa kerapkah mereka bercakap dan bertindak dengan satu suara.

"Kita tentunya sedar bahawa ramai daripada kita telah menjadi pihak dan berat sebelah," katanya ketika menyampaikan ucapan utamanya di hari ketiga sidang kemuncak pergerakan itu.

Katanya, manakala negara anggota mengutuk pelanggaran tata tertib antarabangsa kerana sesuatu prinsip tertentu, tetapi jika tindakan itu dilakukan oleh pihak-pihak yang menjadi kawan rapat mereka, ada negara anggota yang merendahkan suara atau membisu langsung.

Memujuk

Katanya, bukanlah alasan untuk berdiam diri jika tindakan seperti itu dilakukan oleh kuasa-kuasa utara yang secara kebetulan berada dalam era politik yang sama dengan Pergerakan Berkecuali.

Malaysia, tegas Perdana Menteri, mengutuk segala bentuk campuran tangan tentera dan percubaan menegakkan kerajaan boneka sebagai alat meluaskan pengaruh.

—Daripada—
A KADIR JASIN

lah mencuba memujuk Vietnam supaya meninggalkan Kampuchea. Malah kami cuba meminda tuntutan rakyat Kampuchea supaya lebih sederhana, agar lebih mudah diterima oleh Vietnam," tegas Perdana Menteri.

Vietnam diwakili oleh Presidennya, Nguyen Hu Tho dalam sidang kemuncak kali ini.

Beliau menyebut mengenai cadangan lapan perkara yang dirangka oleh pemimpin-pemimpin Kampuchea dalam buangan dan menganggapnya sebagai batu tanda dalam usaha mencari penyelesaian politik yang menyeluruh dan berkekalan.

Dalam keadaan itu, katanya, Malaysia berasa berhak menyokong kerajaan yang sah yang digulingkan di segi politik dalam usahanya berkuasa semula.

"Saya rasa pergerakan ini perlu sepakat dalam hal ini. Tidak kira sama ada pencabulan itu dilakukan oleh kuasa-kuasa besar atau oleh negara anggota Pergerakan Berkecuali, kita perlu mengutuknya sebagai satu prinsip," tegas Datuk Seri Dr Mahathir.

Negara-negara Asia Tenggara, katanya, cuba mewujudkan zon aman, bebas dan berkecuali, tetapi kehadiran tentera Vietnam di Kampuchea menggagalkan cita-cita itu.

"Lantaran itu kami te-

Hampa

"Dengan itu, kami meminta Vietnam supaya menimbangkan cadangan itu secara terperinci dan bersungguh-sungguh demi menamatkan secara aman penaklukan mereka yang berlarutan di Kampuchea," tegas Perdana Menteri.

Datuk Seri Dr Mahathir hampa dengan sikap Pergerakan Berkecuali mengenai perwakilan Kampuchea, dan berkata Malaysia tidak dapat menerima 'kata sepakat' mengosongkan kerusi Kampuchea seperti yang diputuskan di sidang kemuncak pergerakan itu di Havana, Cuba pada 1979.

Beliau juga hampa dengan kegagalan biro penyelarasan Pergerakan Berkecuali meneliti dan membuat perakuan kepada sidang kali ini mengenai perwakilan Kampuchea, walaupun

● Lihat muka 2 ruang 5

PM hampa dengan sikap terhadap Kampuchea

BH 4 SEP 1986

● Dari Muka 1

dipersetujui di sidang kemuncak New Delhi pada 1983.

Dalam ucapannya, Perdana Menteri juga menyentuh masalah ekonomi negara-negara membangun, kerjasama di kalangan negara Dunia Ketiga, Asia Barat, perang Iran-Iraq, Antartika, dadah dan perlumbaan senjata.

Katanya, kerana kepura-puraan setengah anggota pergerakan itu, ada yang mengutuk perjanjian antarabangsa mengenai barangan tertentu dan enggan memberi kerjasama, tetapi bagi barangan yang mereka hasilkan dan eksport, mereka sanggup berganding bahu, hatta dengan negara-negara maju.

"Dalam kekelamkabutan ini, kekuatan moral dan suara kita menjadi lemah dan tidak berkesan," kata Datuk Seri Dr Mahathir.

Perdana Menteri menggesa pergerakan itu supaya jangan menipu diri sambil menegaskan bahawa kebebasan di sudut undang-undang yang dinikmati oleh negara anggota belum disertai oleh kebebasan di segi ekonomi dan politik.

Katanya, ada negara anggota yang akan rebah jika tingkat ekonomi, politik dan bantuan kebendaan yang diberikan oleh bekas negara penaja ditarik balik.

Mereka tidak mempunyai kuasa ke atas sumber pendapatan sendiri, sering dijadikan alat dalam peperangan orang lain, dan bumi mereka dijadikan tempat menguji senjata kuasa-kuasa besar.